

## Klasifikasi Pekerjaan

Kelas 1:	Pekerjaan yang melibatkan kerja bukan manual, pentadbiran atau perkeranian – hanya berada di pejabat atau kawasan yang tidak berbahaya atau pelajar sepenuh masa.
Kelas 2:	Pekerjaan yang melibatkan kerja penyeliaan atau bekerja di luar kawasan pejabat atas urusan perniagaan tetapi tidak terlibat dalam buruh kasar.
Kelas 3:	Pekerjaan yang melibatkan kerja manual tetapi tidak berbahaya. Tetapi, ia melibatkan penggunaan alat atau jentera (jentera dan peralatan kerja kayu)

## Pekerjaan Yang Dikecualikan

Juruterbang atau anak kapal, polis, tentera, pasukan sukan profesional, pekerja pelantar minyak, pekerja terowong dan pelombong, pekerja bahan letupan dan pemberita perang.

## Kelayakan

Kelas Pekerjaan:	Pekerjaan Kelas 1, 2 dan 3
Umur:	16 – 70 tahun (Badan Korporat) 30 hari – 70 tahun (Bukan Badan Korporat)
Tempoh Perlindungan:	Tahunan dan Jangka Masa Pendek (maksimum 31 hari)

Risalah ini bukan Kontrak Insurans. Penerangan yang tersedia hanyalah ringkasan yang cepat dan mudah sebagai rujukan. Terma, syarat, faedah, pengecualian penuh dinyatakan di dalam polisi.

Sila hubungi ejen Allianz yang sah untuk maklumat lebih lanjut.

Perlindungan sepenuhnya  
bagi mereka  
yang terpenting



Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad 200601015674 (735426-V)  
Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia  
Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (lajari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

## KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK ALLIANZ4ALL

Kemalangan boleh berlaku pada bila-bila masa tanpa kita jangka. Ianya juga boleh mengakibatkan kemudaratian dari segi fizikal dan kewangan. Oleh itu, amat penting bagi organisasi anda untuk mempunyai jaringan keselamatan yang boleh dipercayai.

Memperkenalkan **Kemalangan Diri Berkelompok Allianz4All** - pelan fleksibel yang direka berdasarkan Nilai-Nilai Sejagat yang menyediakan organisasi anda dengan pelbagai pilihan perlindungan yang boleh disesuaikan bagi memenuhi keperluan mereka.

### Mengapa memilih Kemalangan Diri Berkelompok Allianz4All?



Perlindungan yang komprehensif dan boleh disesuaikan tersedia mengikut bajet anda.



Fleksibiliti untuk menentukan jumlah diinsuranskan yang dikehendaki bagi setiap faedah untuk setiap orang yang diinsuranskan.

### Apakah yang dimaksudkan dengan Allianz4All Untuk Semua?

Allianz4All adalah sebuah siri produk baharu yang memberikan perlindungan kewangan untuk semua rakyat Malaysia berdasarkan Nilai-Nilai Sejagat.



#### Ketulusan Dipertingkatkan

Kami akan memperuntukkan 40% daripada premium anda kepada Dana Peruntukan Tuntutan (DPT), yang merupakan pengumpulan wang untuk memenuhi tuntutan komitmen.



#### Keterangkuman Sosial yang Lebih Baik

Kami ingin meningkatkan komitmen kami kepada keterangkuman sosial dengan menyediakan jaminan perlindungan kewangan yang sesuai untuk semua tanpa mengira latar belakang.



#### Penyertaan Kebajikan

Kami ingin anda bersama membantu komuniti dengan mengagihkan lebihan dari Dana Peruntukan Tuntutan anda ke organisasi kebajikan pilihan anda.

Ayah mengorak langkah ke hadapan dengan **Allianz4All Untuk Semua**, dan bersama-sama kita memainkan peranan dalam memperkaya komuniti di sekeliling kita sambil kekal dilindungi.

## KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK ALLIANZ4ALL

### Faedah Sepintas Lalu

Faedah	Penerangan	Jumlah Minimum Diinsuranskan (RM)	Jumlah Maksimum Diinsuranskan (RM)
<b>Keselamatan Kewangan</b>			
Kematian Akibat Kemalangan	Membayar Jumlah Diinsuranskan sekiranya berlaku Kematian akibat Kemalangan.	5,000	1,000,000
Hilang Upaya Kekal	Membayar Jumlah Diinsuranskan sekiranya Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan.	5,000	1,000,000
Perbelanjaan Pengebumian	Membayar jumlah sekaligus sekiranya berlaku Kematian akibat Kemalangan.	500	5,000
<b>Faedah Perubatan &amp; Pemulihan</b>			
Perbelanjaan Perubatan	Membayar balik perbelanjaan perubatan untuk kecederaan akibat Kemalangan.	100	8,000
Bayaran Ambulans	Membayar balik caj yang ditanggung untuk perkhidmatan ambulans di Malaysia akibat Kemalangan.	300	1,000
Penjagaan Kejururawatan	Membayar balik kos penjagaan kejururawatan yang ditanggung selepas keluar dari hospital akibat Kemalangan.	100	5,000
Perbelanjaan Rehabilitasi	Membayar balik kos perundingan dan rawatan perubatan yang ditanggung selepas keluar dari hospital jika Orang Yang Diinsuranskan memerlukan rehabilitasi akibat Kemalangan.	500	5,000
Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembakaan Kosmetik	Membayar balik perbelanjaan yang ditanggung untuk Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Pembakaan Kosmetik pada bahagian leher, kepala atau dada (pusat dan ke atas) berikutan kecederaan yang dialami akibat Kemalangan.	500	5,000
Perubatan Alternatif	Membayar balik kos untuk Perubatan Alternatif akibat Kemalangan.	350	800
Perbelanjaan Mobiliti	Membayar balik kos pembelian peralatan perubatan, yang diperlukan untuk membantu mobiliti Orang Yang Diinsuranskan yang mengalami Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan.	500	2,000
<b>Kehilangan Sumber Pendapatan</b>			
Pendapatan Hospital	Membayar pendapatan harian untuk tempoh kemasukan ke hospital, sehingga maksimum seratus lapan puluh (180) hari akibat Kemalangan.	30	300
Faedah Mingguan	Membayar sehingga lima puluh dua (52) minggu jika Orang Yang Diinsuranskan tidak dapat bekerja kerana kecederaan seperti yang disahkan oleh Pengamal Perubatan.	50	300
<b>Faedah Gaya Hidup dan Kehidupan</b>			
Ragut atau Percubaan Meragut	Membayar jumlah sekali gus sekiranya Ragut atau Cubaan Ragut tertakluk pada laporan polis dibuat dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas kejadian.	150	1,000
Perlindungan Pembelian Dalam Talian	Membayar pampasan untuk kehilangan mana-mana barang yang dibeli dari laman web/aplikasi palsu atau barang yang dibeli tidak dihantar.	300	1,500
Perlindungan Peranti Pintar	Membayar pampasan kerugian atau kerosakan pada Peranti Pintar Orang Yang Diinsuranskan akibat pecah masuk, Ragut, atau Cubaan Ragut.	1,000	5,000
Kad Kredit dan Indemniti Pinjaman	Membayar balik jumlah yang diperlukan untuk membayar kad kredit, sewa beli, gadai janji atau pinjaman peribadi jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital lebih dari sepuluh (10) hari berturut-turut akibat Kemalangan.	1,000	10,000

Nota:

1. Anda boleh memilih mana-mana kombinasi faedah untuk pelan anda, dengan syarat pelan anda mengandungi Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal atau kedua-duanya sekali.
2. Sila rujuk kepada polisi bertulis untuk terma dan syarat penuh.